

# Modul **RATU** KBAT

Rajin  Ambil  Tahu  Untuk  KBAT



## **KSSM SEJARAH TINGKATAN 4 DAN 5**

- Koleksi soalan KBAT berdasarkan Elemen Kewarganegaraan dalam Standard Pembelajaran (SP)
- Disusun mengikut Standard Kandungan (SK)
- Merangkumi DSKP Tingkatan 4 dan Tingkatan 5
- Mengandungi 92 contoh soalan KBAT mengikut Standard Pembelajaran (SP)

# **MODUL RATU<sub>K</sub>BAT**

## **KSSM SEJARAH TINGKATAN 4 DAN 5**

### **Penasihat**

Tn. Hj. Md Fiah Bin Md. Jamin  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

### **Ketua Projek**

En. Anuar Adnan bin Ismail  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Unit Sains Sosial, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

### **Penyelaras Projek**

Pn. Noraini binti Md. Din  
Penolong Pengarah  
Unit Sains Sosial, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

### **Panel Penulis**

Pn. Aziah binti Abdullah  
SMK Forest Height, Seremban

Pn. Zam Zalifah binti Kamarul Zaman  
SMK King George V, Seremban

Pn. Rasyidah binti Abdul Wahab  
SMK Mambau, Seremban

Pn. Ruainun binti Yusof  
SMK Teriang Hilir, Jelebu

En. Mohd Faisal bin Hamadun  
SMK Seri Ampangan, Seremban

Pn. Rozanah binti Jas  
SMK Seremban Jaya 2, Seremban

En. Suresh a/l Pottarajoo  
SM Teknik Tuanku Jaafar, Seremban

Pn. Rosmiza binti Musa  
SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban

Pn. Siti Azirah binti Abidin  
SMK St. Paul, Seremban

## SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kata-kata Aluan	4
2	<b>TINGKATAN EMPAT</b> Bab 1 – Warisan Negara Bangsa Bab 2 – Kebangkitan Nasionalisme Bab 3 – Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara kita Bab 4 – Era Peralihan Kuasa British Di Negara Kita Bab 5 – Persekutuan Tanah Melayu 1948 Bab 6 – Ancaman Komunis Dan Pengisytiharan Darurat Bab 7 – Usaha Ke Arah Kemerdekaan Bab 8 – Pilihan Raya Bab 9 – Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 Bab 10 – Pemasyhuran Kemerdekaan	5 – 54
3	<b>TINGKATAN LIMA</b> Bab 1 – Kedaulatan Negara Bab 2 – Perlembagaan Persekutuan Bab 3 – Raja Berperlembagaan Demokrasi Berparlimen Bab 4 – Sistem Persekutuan Bab 5 – Pembentukan Malaysia Bab 6 – Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia Bab 7 – Membina Kesejahteraan Negara Bab 8 – Membina Kemakmuran Negara Bab 9 – Dasar Luar Malaysia Bab 10 – Kecemerlangan Malaysia Di Persada Dunia	55 - 100
4	Panduan Pemarkahan Rubrik dan Contoh Penulisan Jawapan KBAT	101 - 102
5	Penghargaan	103



**EN. ANUAR ADNAN BIN ISMAIL**  
**Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Sains Sosial**  
**Sektor Pembelajaran, JPN Negeri Sembilan**

### **Kata-kata Aluan**

Modul Ratu KSSM Sejarah SPM 2021

Usaha-usaha mencemerlangkan Calon SPM 2021 diteruskan, itulah tekad bekerja semua peringkat dalam cabaran pandemik Covid-19. Guru-guru hebat mata pelajaran Sejarah Negeri Sembilan sentiasa mengambil inisiatif untuk membantu calon membuat persediaan mantap dan berimpak tinggi. Sebelum ini mereka telah menghasilkan Modul JAGUH Sejarah dan Modul Power Sejarah dan terkini Modul Ratu bagi melengkapkan setiap calon SPM dengan strategi untuk cemerlang.

Modul Ratu adalah edisi terkini pasukan JAGUH Sejarah – JOM kita guna modul ini berasaskan keperluan kelas masing-masing. Keberkesanan modul ini ditentukan oleh kemahiran guru mengaplikasikan dalam PdP dan aktiviti yang berkaitan. Pembinaan modul ini telah mempertimbangkan semua aspek yang penting dan impaknya kepada calon SPM.

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) sangat berbangga dengan tindakan-tindakan pasukan JAGUH Sejarah yang berjaya memberi fokus untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran ini. Usaha murni ini sangat penting bagi membolehkan lebih ramai murid memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini. Sesungguhnya peningkatan peratus lulus mata pelajaran Sejarah berupaya memertabatkan kecemerlangan jabatan ini di peringkat kebangsaan.

Diharapkan penghasilan modul-modul ini akan ditambahbaik dan disesuaikan dengan keperluan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan format Lembaga Peperiksaan (LP). Pasukan JAGUH ini perlu dimantapkan agar dapat membantu lebih ramai guru memperkasakan pelaksanaan PdP yang berkesan dan menarik minat murid.

Selamat maju jaya – semoga usaha ini diberkati dan diberi ganjaran olehNya. Tekad mencapai 92.2 peratus lulus Sejarah SPM 2021 terus membara.

**#lonjakanprestasiguru.**

**SALAM ABC 2.0 Ambil Peduli, Bina Hubungan, Cipta Kejayaan**  
**SALAM #UPNOGHOGHI**

# MALAYSIA

## SEJARAH TINGKATAN 4



“Kejayaan adalah sangat menyeronokkan, cantik,  
hebat, dan benar-benar lazat.

Kita patut merasainya.”

PN. NORAINI BINTI MD. DIN  
Penolong Pengarah Unit Sains Sosial  
Sektor Pembelajaran, JPN Negeri Sembilan

- Bab 1 – Warisan Negara Bangsa**
- Bab 2 – Kebangkitan Nasionalisme**
- Bab 3 – Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara kita**
- Bab 4 – Era Peralihan Kuasa British Di Negara Kita**
- Bab 5 – Persekutuan Tanah Melayu 1948**
- Bab 6 – Ancaman Komunis Dan Pengisytiharan Darurat**
- Bab 7 – Usaha Ke Arah Kemerdekaan**
- Bab 8 – Pilihan Raya**
- Bab 9 – Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957**
- Bab 10 – Pemasyhuran Kemerdekaan**





Pn. Aziah binti Abdullah  
SMK Forest Height, Seremban

# SEJARAH TINGKATAN 4

## BAB 1

### WARISAN NEGARA BANGSA

#### STANDARD KANDUNGAN

##### 9.1 Warisan Negara Bangsa

#### STANDARD PEMBELAJARAN

K9.1.5 Menerangkan kepentingan kesetiaan kepada raja dan negara

K9.1.6 Menjelaskan rasa bangga terhadap warisan negara

K9.1.7 Menghuraikan kepentingan kepimpinan untuk kemakmuran negara

K9.1.8 Mentafsir kepentingan mematuhi undang-undang untuk kesejahteraan negara

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.1 Warisan Negara Bangsa	K9.1.5 Menerangkan kepentingan kesetiaan kepada raja dan negara

**Soalan 1**



**Gambar 1**

Gambar 1 di atas menunjukkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi kunci kepada keharmonian hidup rakyat Malaysia.

Sebagai rakyat yang mempunyai jati diri, bagaimanakah anda berusaha mengamalkan prinsip rukun negara yang kedua?

---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Mewujudkan perasaan kesetiaan kepada raja yang tidak berbelah bahagi**
  - H1 – Menghormati institusi beraja
  - H2 – berusaha memahami sistem raja berperlembagaan
  - H3 – Yang Dipertuan Agong Ketua Utama negara
  - H4 – Sultan/Raja adalah ketua utama negeri-negeri
  - C1 – Contohnya tidak mempersoalkan kedudukan dan keistimewaan raja-raja
- **Mengambil tahu/cakna**
  - H1 – Peranan YDA dan Raja-raja
  - H2 – YDA dan Sultan yang sedang memerintah
  - C1 – Contohnya YDA sekarang ialah Sultan Abdullah dari Negeri Pahang
- **Sentiasa menjaga nama baik negara**
- **Belajar bersungguh-sungguh**
- **untuk menjadi modal insan yang berguna kepada negara**
- **Hanya memiliki satu kewarganegaraan**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.1 Warisan Negara Bangsa	K9.1.6 Menjelaskan rasa bangga terhadap warisan negara

**Soalan 2**



**Gambar 2**

Gambar 2 di atas adalah gambar majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16 Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Sistem beraja hari ini adalah warisan kerajaan beraja Kesultanan Melayu Melaka.

Mengapakah kita harus berbangga terhadap warisan ini?

---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Unik**
  - H1 – Terdapat negara di Asia Tenggara tidak lagi mengamalkan sistem beraja selepas merdeka
  - H1 – kita mengamalkan sistem demokrasi
  - H2 – Pilihan raya 5 tahun sekali
  - H3 – Kita masih mengamalkan sistem beraja,
  - H4 – raja berperlembagaan
  - C1 – contoh negara yang tidak ada lagi pemerintahan beraja selepas merdeka ialah Burma, Indonesia
- **Lambang perpaduan kaum**
  - H1 – Rakyat pelbagai kaum
  - H2 – Bersatu di bawah payung sistem beraja
  - H3 – Berbeza ideologi politik
  - C1 – Terdapat berbagai parti politik seperti UMNO,DAP, PAS yang berbeza ideologi
- **Warisan Kerajaan Alam Melayu yang hebat seperti Kesultanan Melaka/Srivijaya**
  - Agar terus dibanggakan oleh generasi akan datang
  - Dipandang tinggi oleh masyarakat dunia
  - *Mana-mana yang munasabah*

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.1 Warisan Negara Bangsa	K9.1.7 Menghuraikah kepentingan kepimpinan untuk kemakmuran negara

**Soalan 3**

Kemakmuran sesebuah negara terletak di tangan pemimpinnya. Buktikan kebenaran pernyataan ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Berwawasan**  
 H1 – berpandangan jauh  
 H2 – mampu memberi idea  
 H3 – bertindak cepat  
 C1 – Contohnya kejayaan program Rancangan lima tahun malaysia di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak
- **Berani bersaing**  
 H1 – berani bersaing dengan negara luar  
 H2 – untuk menguasai pasaran bahan mentah dunia  
 H3 – menjamin pendapatan negara / rakyat  
 C1 – Contoh menangani isu kempen antiminyak sawit secara berhemah
- **Inovatif dan Kreatif**
- **Berintegriti dan Amanah**
- *Mana-mana yang munasabah*

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.1 Warisan Negara Bangsa	K9.1.8 Mentafsir kepentingan mematuhi undang-undang untuk kesejahteraan negara

**Soalan 4**

Kepatuhan rakyat terhadap undang-undang dapat menjamin kesejahteraan negara kita. Buktikan pernyataan ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Perlembagaan PTM 1957 adalah undang-undang tertinggi negara kita**  
 H1 – Dirangka dan disusun oleh Suruhanjaya Ried  
 H2 – dipinda pada 1963/ penubuhan Malaysia  
 H3 - dipinda pada tahun 1965 selepas Singapura keluar dari Malaysia  
 H4 – Pindaan dibuat untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa negeri-negeri  
 C1 – Tidak bercanggah dengan perlembagaan  
 C2 - Mengukuhkan kerjasama
- **Undang-undang jenayah seperti merompak dan membunuh**
- **Mematuhi undang-undang di jalan raya**
- **Pencerobohan hutan simpan merosakkan alam**
- **Peraturan PKP, PKPD bagi menangani penularan covid-19**
- *Mana-mana yang munasabah*



Revolusi Amerika



revolusi keagungan england



REVOLUSI PERANCIS



# SEJARAH TINGKATAN 4

## BAB 2 [ I ]

### KEBANGKITAN NASIONALISME



Pn. Aziah binti Abdullah  
SMK Forest Height, Seremban

#### STANDARD KANDUNGAN

##### 9.2 Nasionalisme

#### STANDARD PEMBELAJARAN

K9.2.5 Menjelaskan kepentingan meneladani perjuangan pemimpin terdahulu

K9.2.6 Menghuraikan kepentingan sikap berwaspada dengan kuasa asing

K9.2.7 Membahaskan kepentingan ilmu dalam kehidupan

K9.2.8 Mentafsir kepentingan sumbangan pemimpin dalam mengekalkan kedaulatan negara

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.2 Nasionalisme	K9.2.5 Menjelaskan kepentingan meneladani perjuangan pemimpin terdahulu

**Soalan 1**

Maklumat di bawah berkaitan dengan tafsiran nasionalisme menurut pandangan seorang tokoh Barat.

“Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang kepada negara atau bangsanya”  
*Hans Kohn*

Mengapakah perjuangan nasionalis lampau perlu dicontohi oleh generasi hari ini?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Mencontohi semangat berkorban nyawa**  
 H1 – perjuangan tidak mengharapkan balasan  
 H2 – dan bayaran upah  
 H3 – perjuangan untuk mendapat kebebasan mutlak daripada penjajah  
 H4 – mempunyai semangat patriotik yang tinggi  
 C1 – Contohnya perjuangan Sultan Mahmud Shah melakukan 3 kali serangan untuk mendapatkan semula Melaka daripada kekuasaan Portugis
- **Perjuangan mereka adalah lambang jati diri**  
 H1 – ikhlas  
 H2 – tidak mudah dipengaruhi  
 H3 – mempunyai strategi  
 C1 – berjuang melalui penulisan karya seperti Raden Adjeng Kartini  
 C2 - contoh karya Hilang Gelap Terbitlah Terang
- **Perjuangan bersungguh-sungguh**
- **Bersedia menghadapi musuh**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.2 Nasionalisme	K9.2.6 Menghuraikan kepentingan sikap berwaspada dengan kuasa asing

**Soalan 2**



**Gambar 1**

Gambar 1 di atas adalah ilustrasi *Flor de la Mar* sebuah kapal milik Portugis yang karam di laut bersama harta tanah jajahan yang cukup banyak. Kapal ini juga digunakan untuk menjatuhkan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511.

Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah kita harus sentiasa berwaspada dengan kuasa asing?

---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

▪ **Mengelakkan campur tangan kuasa asing dalam ekonomi negara**

- H1 –campur tangan boleh merosakkan perpaduan kaum
- H2 – merosakkan sistem pentadbiran negara
- H2 – Negara terpaksa berhutang
- H3 – Negara seolah-olah dijajah semula

C1- Hasil negara seperti bijih timah pernah dieksploitasi oleh penjajah British

▪ **Mengelakkan campur tangan asing dalam politik negara**

- H1 – memperkuat sistem pertahanan
- H2 – Bersatu di bawah payung sistem beraja dan amalan demokrasi
- H3 –Mengekalkan kestabilan politik

C1 – Terdapat berbagai parti politik seperti UMNO,DAP, PAS yang berbeza ideologi

C2- Mempertahankan isntitusi Raja Berperlembagaan

▪ **Sentiasa berhati-hati dalam setiap keputusan**

▪ **Kita tidak tahu niat mereka yang sebenar**

▪ **Jangan mudah terpedaya**

▪ **Jangan mudah terpengaruh**

▪ **Agar negara tidak dijajah semula**

▪ **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.2 Nasionalisme	K9.2.7 Membahaskan kepentingan ilmu dalam kehidupan

**Soalan 3**

Kepimpinan yang berilmu pengetahuan penting dalam menghadapi cabaran membebaskan tanah air daripada penjajahan Barat.  
 Buktikan pernyataan ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Pemimpin yang berilmu pengetahuan**  
 H1 – berpandangan jauh  
 H2 – matang dalam tindakan  
 C1 – contoh kejayaan negara mencapai kemerdekaan melalui tolak ansur politik  
 C2 – Tunku Abdul Rahman  
 C3 – digelar Bapa Kemerdekaan Negara
- **Pemimpin yang bijaksana**  
 H1 – mempunyai pemikiran yang strategik  
 H2 – berbaik-baik dengan penjajah barat  
 H3 – berdiplomasi  
 H4 - memodenkan Thailand  
 H5 – membawa pegawai Barat masuk untuk melatih pegawai tempatan  
 C1 – Contoh Raja Mongkut
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.2 Nasionalisme	K9.2.8 Mentafsir kepentingan sumbangan pemimpin dalam mengekalkan kedaulatan negara

**Soalan 4**

Apakah yang akan berlaku sekiranya negara ketiadaan pemimpin yang berkebolehan untuk mengekalkan kedaulatan?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Sistem pentadbiran negara akan lemah**  
 H1 – politik tidak stabil  
 H2 – berlaku rasuah  
 H3 - dan perebuatan kuasa  
 H4 – negara luar akan campur tangan  
 C1 – Contohnya kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka disebabkan kelemahan kepimpinan
- **Ekonomi akan jatuh**  
 H1 – pelabur luar kurang keyakinan untuk melabur  
 H2 – Rakyat hilang pekerjaan  
 H3 – Pendapatan negara terjejas  
 H4 – negara akan mudah dijajah oleh kuasa luar
- **Sistem pertahanan lemah**
- **Boleh berlaku pencerobohan sempadan**
- **Negara huru-hara**
- **Mana-mana yang munasabah**

# HISTORY OF MALAYSIA



## SEJARAH TINGKATAN 4

### BAB 2 [ II ]

## KEBANGKITAN NASIONALISME



Pn. Rozanah binti Jas  
SMK Seremban Jaya 2, Seremban

#### STANDARD KANDUNGAN

##### 9.3 Nasionalisme Di Negara Kita

#### STANDARD PEMBELAJARAN

K9.3.5 Menjelaskan kepentingan organisasi dalam membangunkan negara

K9.3.6 Menghuraikan kepentingan semangat cinta akan negara

K9.3.7 Mentafsir kepentingan keintelektualan dalam membina teras ilmu

K9.3.8 Membahaskan kepentingan memanfaatkan media massa untuk kedaulatan negara

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.3 Nasionalisme Di Negara Kita	K9.3.5 Menjelaskan kepentingan organisasi dalam membangunkan negara

**Soalan 1**

Penubuhan parti politik di Malaysia berasaskan kaum dari segi aspirasi dan keahlian. Parti-parti politik ini mempunyai organisasi menggerakkan perjuangan.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan organisasi dalam membangunkan negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Melicinkan pentadbiran**  
H1 – Pentadbiran diuruskan oleh ketua  
H2 – Agihan tugas lebih teratur  
H3 – Kerja dapat disiapkan dengan sempurna  
C1 – Contohnya, jabatan akan diketuai oleh Ketua Pengarah sebagai ketua organisasi
- **Bertukar-tukar idea dan kepakaran**  
H1 – Ahli dalam organisasi akan berkongsi idea dan berbincang  
H2 – Mewujudkan kerjasama  
H3 – dapat meningkatkan kualiti organisasi  
C1 - Contoh Kementerian Pendidikan berbincang untuk murid bersedia menghadapi PdPR
- **Menarik minat orang luar**
- **Melahirkan pemimpin yang berkualiti**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.3 Nasionalisme Di Negara Kita	K9.3.6 Menghuraikan kepentingan semangat cinta akan negara

**Soalan 2**



**Gambar 1**

Gambar 1 di atas ialah Abdul Rahim Kajai iaitu tokoh kewartawanan yang berjuang menentang penjajah melalui penulisan.

Berdasarkan sejarah perjuangan beliau, nilaikan kepentingan semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Menguuhkan kedaulatan negara**  
H1 – berjuang mempertahankan negara  
H2 – Tidak mudah terpengaruh dengan ancaman luar  
H3 – Sentiasa berusaha menjaga negara  
C1 – Contohnya, prajurit muda sanggup menggadaikan nyawa menentang pegganas di Sabah
- **Melahirkan masyarakat yang patriotik**  
H1 – sentiasa menjaga nama baik negara  
H2 – sanggup berjuang demi negara yang tercinta  
H3 – negara setanding dengan negara lain di peringkat antara bangsa  
C1 – Contohnya menyertai pertandingan di Sukan Olimpik
- **Melahirkan generasi yang bersatu padu**
- **Negara akan menjadi aman**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.3 Nasionalisme Di Negara Kita	K9.3.7 Mentafsir kepentingan keintelektualan dalam membina teras ilmu

**Soalan 3**



**Gambar 2**

Gambar 2 di atas menunjukkan pusat pendidikan yang dibina di Tanjung Malim, Perak. Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) telah melahirkan ramai golongan intelektual yang membawa kepada pejuang-pejuang nasionalisme.

Berdasarkan maklumat tersebut, jelaskan kepentingan bidang intelektual dalam membina teras ilmu.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Melahirkan tenaga pakar**  
H1 – pelbagai bidang dapat dipelajari melalui ilmu baru  
H2 – selari dengan perkembangan semasa  
H3 – mampu bersaing dengan negara luar  
C1 – Contohnya, pakar perubatan untuk mengubati wabak Covid 19
- **Negara akan maju**  
H1 – meneroka teknologi baru  
H2 – kehidupan masyarakat bertambah baik  
H3 – memudahkan urusan harian  
C1 – Contohnya sistem MRT mempercepatkan pergerakan penduduk dari satu tempat ke tempat lain
- **Melahirkan masyarakat yang kreatif**
- **Membentuk kelompok cendekiawan**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
9.3 Nasionalisme Di Negara Kita	K9.3.8 Membahaskan kepentingan memanfaatkan media massa untuk kedaulatan negara

**Soalan 4**



**Gambar 3**

Gambar 3 di atas merujuk kepada rangkaian saluran televisyen utama di Malaysia. Ia menjadi sumber maklumat kepada rakyat sama ada berita dari dalam mahu pun luar negara.

Pada pendapat anda, apakah peranan media massa dalam membantu mengukuhkan kedaulatan negara?

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Menjadi sumber maklumat**
  - H1 – memberi maklumat dalam dan luar negara
  - H2 – sentiasa menyalurkan berita terkini
  - H3 – berita disampaikan dengan cepat
  - C1 – Contohnya, maklumat berkaitan pencerobohan jet pejuang China di ruang udara Malaysia
- **Menunjukkan kejayaan negara**
  - H1 – menayangkan pembangunan yang telah dicapai negara
  - H2 – menimbulkan rasa sayang rakyat kepada negara
  - H3 – rakyat berusaha membantu kerajaan meningkatkan pembangunan
  - C1 – Contohnya pembinaan sekolah-sekolah cemerlang
- **Menunjukkan kewibawaan pemimpin**
- **Mempersembahkan keutuhan sistem beraja**
- **Mana-mana yang munasabah**

# Perang Dunia I

1914-1918



Pn. Rozanah binti Jas  
SMK Seremban Jaya 2, Seremban

## SEJARAH TINGKATAN 4

### BAB 3

## KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA [ I ]

#### STANDARD KANDUNGAN

10.1 Konflik Dunia

#### STANDARD PEMBELAJARAN

K10.1.5 Menerangkan kepentingan keamanan dunia kepada negara kita

K10.1.6 Menjelaskan kepentingan kesedaran semangat cinta akan negara

K10.1.7 Menghubungkan iktibar dengan kesan peperangan

K10.1.8 Menghuraikan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.1 Konflik Dunia	K10.1.5 Menerangkan kepentingan keamanan dunia kepada negara kita

**Soalan 1**

Pembebasan negara-negara jajahan British melalui proses dekolonisasi telah mewujudkan sebuah negara-negara di dunia yang merdeka dan aman. Keamanan dunia memberi kesan penting kepada negara kita. Bincangkan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Mewujudkan kestabilan politik**  
 H1 – negara dapat ditadbir dengan aman  
 H2 – Tanpa campur tangan dari negara lain  
 H3 – pemimpin memimpin dengan cara tersendiri  
 C1 – Contohnya, pentadbiran ditadbir mengikut perlembagaan negara
- **Negara sentiasa aman**  
 H1 – masyarakat bebas melakukan aktiviti harian  
 H2 – Tiada rasa takut  
 H3 – berusaha meningkatkan taraf hidup  
 C1 - Contoh masyarakat bergiat aktif menjalankan perniagaan
- **Meningkatkan ekonomi**
- **Perkongsian kepakaran antara negara**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.1 Konflik Dunia	K10.1.6 Menjelaskan kepentingan kesedaran semangat cintakan negara

**Soalan 2**

Hitler merupakan pemimpin yang berjaya menanamkan semangat cintakan negara yang tinggi dalam kalangan rakyatnya terhadap negara Jerman.

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan kesedaran semangat cintakan negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Melahirkan semangat sedia berkorban**  
 H1 – rakyat sanggup berjuang untuk negara  
 H2 – mempertahankan negara dari ancaman luar  
 H3 – negara akan aman  
 C1 – Contohnya, anggota tentera sedia berkorn
- **Negara sentiasa aman**  
 H1 – masyarakat bebas melakukan aktiviti harian  
 H2 – masyarakat saling hormat menghormati  
 H3 – saling bantu membantu tanpa mengira kaum  
 C1 - Contoh masyarakat saling membantu golongan yang terkesan semasa Covid melanda negara
- **Mewujudkan perpaduan**
- **Melahirkan semangat keberanian rakyat**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.1 Konflik Dunia	K10.1.7 Menghubungkan iktibar dengan kesan peperangan

**Soalan 3**

Perang Dunia Kedua tercetus kerana isu dalam Perang Dunia Pertama yang gagal diselesaikan.

Penyataan di atas merujuk kepada siri peperangan yang pernah berlaku dan memberi kesan kepada seluruh penduduk dunia. Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh dipelajari dengan kesan peperangan?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Yakin dengan kemampuan sendiri**  
 H1 – berusaha memajukan negara  
 H2 – meningkatkan ekonomi  
 H3 – taraf hidup akan meningkat  
 C1 – Contohnya, rakyat berusaha menghasilkan produk makanan sendiri
- **Berani menghadapi cabaran**  
 H1 – tidak gentar menghadapi cabaran dunia luar  
 H2 – sentiasa berfikiran terbuka menerima perkara baru  
 H3 – berfikir sebelum membuat keputusan  
 C1 – Contoh sentiasa bersedia menerima pembaharuan
- **Sentiasa bersatu padu**
- **Memilih pemimpin yang berwibawa**
- **Belajar daripada sejarah terdahulu**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.1 Konflik Dunia	K10.1.8 Menghuraikan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara

**Soalan 4**

Yang di Pertuan Agong Malaysia XVI menjadi simbol kedaulatan negara.

Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, jelaskan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Taat kepada raja dan negara**  
 H1 – sentiasa patuh kepada arahan raja  
 H2 – sanggup berkorban demi maruah bangsa dan negara  
 H3 – berani menghadapi ancaman luar  
 C1 – Contohnya, menjadi rakyat yang setia kepada bangsa dan negara
- **Mematuhi undang-undang**  
 H1 – sentiasa akur dengan semua dasar kerajaan  
 H2 – tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang  
 H3 – patuh kepada arahan pemimpin  
 C1 – Contoh rakyat akur dengan perintah PKP semasa Covid melanda negara
- **Sentiasa bersatu padu**
- **Memilih pemimpin yang berwibawa**
- **Mana-mana yang munasabah**



## SEJARAH TINGKATAN 4

### BAB 3

Pn. Rozanah binti Jas  
SMK Seremban Jaya 2, Seremban



## KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA [ II ]

### STANDARD KANDUNGAN

10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun

### STANDARD PEMBELAJARAN

K10.2.6 Menerangkan kepentingan kebijaksanaan dalam merancang strategi

K10.2.7 Menjelaskan kepentingan sikap kreatif dalam kehidupan

K10.2.8 Membahaskan kepentingan sikap sedia berkorban untuk tanah air

K10.2.9 Mentafsirkan kepentingan ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran hidup

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun	K10.2.6 Menerangkan kepentingan kebijaksanaan dalam merancang strategi

**Soalan 1**



**Gambar 1**

Gambar 1 di atas ialah kemaraan Tentera Jepun di Tanah Melayu menggunakan serangan kilat melalui darat, udara dan air telah berjaya menawan Tanah Melayu pada 15 Februari 1942.

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, kebijaksanaan dalam merancang strategi amat penting untuk mencapai kejayaan. Ulaskan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Mewujudkan kerjasama dalam pasukan**  
H1 – perbincangan dalam kalangan ahli  
H2 – mewujudkan pelbagai idea dan pendapat  
H3 – diketuai ketua yang memimpin  
C1 – Contohnya, Ketua Pengarah Kesihatan menjadi ketua KKM untuk menghadapi penularan wabak Covid
- **Mudah mencapai kejayaan**  
H1 – dapat dilaksanakan dengan perancangan yang rapi  
H2 – semua ahli akan lebih bersedia  
H3 – lebih yakin  
C1 - Contoh kerajaan telah berusaha merancang pembelian vaksin dari pelbagai negara
- **Boleh membuat keputusan dengan lebih baik**
- **Dikagumi oleh pihak luar**
- **Meningkatkan daya kreativiti**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun	K10.2.7 Menjelaskan kepentingan sikap kreatif dalam kehidupan

**Soalan 2**

Keperitan hidup semasa pendudukan Jepun menjadikan penduduk Tanah Melayu lebih kreatif dalam kehidupan. Contohnya menghasilkan tempe daripada biji getah.

Pernyataan di atas menjelaskan kehidupan masyarakat semasa pendudukan Jepun. Berdasarkan pernyataan tersebut, mengapa sikap kreatif penting dalam kehidupan?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Menghasilkan ciptaan baru**  
 H1 – menjadikan ciptaan lebih berteknologi  
 H2 – memudahkan kerja seharian  
 H3 – lebih banyak produk dihasilkan  
 C1 – Contohnya, penciptaan mesin mengupas kulit nenas untuk menghasilkan produk jem.
- **Boleh berdikari**  
 H1 – boleh menjana pendapatan  
 H2 – meningkatkan taraf hidup  
 H3 – tidak perlu bergantung kepada orang lain  
 C1 – Contoh pengusahaan kek mempelbagaikan rekaan
- **Dikagumi oleh pihak luar**
- **Menjadi sumber keuntungan**
- **Dipandang tinggi oleh masyarakat**
- **Dapat membangunkan negara**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun	K10.2.8 Membahaskan kepentingan sikap sedia berkorban untuk tanah air

**Soalan 3**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Pasukan keselamatan di atas telah banyak berkorban untuk bangsa dan negara. Pada pendapat anda, apakah kepentingan sikap sedia berkorban untuk tanah air?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Menjamin keselamatan negara**  
 H1 – menjadi benteng pertahanan negara  
 H2 – sanggup menghadapi serangan musuh  
 H3 – sentiasa berwaspada  
 C1 – Contohnya, pasukan keselamatan sanggup menggadai nyawa di sempadan
- **Menghapuskan jenayah antara bangsa**  
 H1 – menggadai nyawa menghadapi jenayah antarabangsa  
 H2 – memastikan negara aman  
 H3 – memastikan rakyat tidak terjerumus dengan jenayah  
 C1 – Contoh pasukan keselamatan menghapuskan sindiket penyeludupan dadah dan pemerdagangan manusia
- **Negara sentiasa aman**
- **Pertahanan menjadi kukuh**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun	K10.2.9 Mentafsirkan kepentingan ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran hidup.

Soalan 4



Gambar 2

Gambar 2 di atas menunjukkan sambutan Hari Belia pada tahun 2020. Sebagai belia berwawasan, sejauhmanakah ketahanan fizikal dan mental dalam penting dalam menghadapi cabaran hidup?

---

---

---

---

---

---

---

---


---

---

[8 markah]

CADANGAN JAWAPAN S4

- **Berani membuat keputusan**  
H1 – yakin dengan keputusan yang dibuat  
H2 – berani menghadapi pandangan masyarakat sekeliling  
H3 – sentiasa bersikap positif dengan komen yang diterima  
C1 – Contohnya, ramai graduan universiti melibatkan diri dalam perniagaan online
- **Meningkatkan keyakinan diri**  
H1 – tidak putus asa  
H2 – sentiasa kuat menghadapi cabaran  
H3 – sentiasa percaya boleh mencapai kejayaan  
C1 – Contoh golongan muda cekaal menghadapi kehidupan semasa musim Covid
- **Melahirkan generasi muda yang kreatif**
- **Melahirkan generasi yang mudah menerima pelbagai tugas**
- **Melahirkan generasi yang sedia mempertahankan negara**
- **Mana-mana yang munasabah**



# SEJARAH TINGKATAN 4

## BAB 4

Pn. Rasyidah binti Abdul Wahab  
SMK Mambau, Seremban



# ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

## STANDARD KANDUNGAN

10.3 Era Peralihan Kuasa British Di Negara Kita

## STANDARD PEMBELAJARAN

K10.3.8 Menerangkan kepentingan mempertahankan maruah bangsa

K10.3.9 Menjelaskan kepentingan berwaspada dalam membuat sebarang tindakan

K10.3.10 Menjelaskan kepentingan sikap berani menyuarakan pandangan dengan beretika

K10.3.11 Menghuraikan kepentingan menghargai kepimpinan tokoh terdahulu dalam membina negara

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.3 Era Peralihan British Di Negara Kita	K10.3.8 Menerangkan kepentingan mempertahankan maruah bangsa

**Soalan 1**



**Gambar 1**

Gambar 1 tersebut menunjukkan penentangan penduduk tempatan terhadap Malayan Union pada tahun 1946. Tindakan ini penting dalam mempertahankan maruah bangsa dan negara. Bincangkan.

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Bebas dari penjajahan kuasa asing**
- H1 – Mengekalkan kedaulatan negara
- H2 - Berpeluang mentadbir negara mengikut acuan sendiri
- H3 – Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
- C1 – Penubuhan PTM 1948 / Sistem Ahli
- **Mengekalkan Raja sebagai pemerintah tertinggi**
- H1 - Termaktub dalam perlembagaan negara
- H2 - Lambang kedaulatan negara
- H3 - Melahirkan perasaan sayang dan bangga terhadap negara
- C1 -Tidak memburukan nama baik negara
- **Menyemarakkan semangat patriotik**
- **Menjamin penguasaan rakyat terhadap ekonomi negara**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.3 Era Peralihan British Di Negara Kita	K10.3.9 Menjelaskan kepentingan berwaspada dalam membuat sebarang tindakan

**Soalan 2**

Peristiwa	Pegawai Barat	Peranan
Malayan Union 1946 di Tanah Melayu	Sir Harold MacMicheal	Mendapatkan tandatangan sultan
Penyerahan Sarawak kepada British	Gerard T. MacBryan	Mendapatkan persetujuan ketua tempatan

Peristiwa di atas memberi pengajaran kepada kita kerana kedua-dua pegawai barat tersebut menggunakan tipu muslihat dalam mendapatkan persetujuan daripada sultan dan ketua tempatan.

Pada pandangan anda, mengapakah pentingnya sikap berwaspada dalam mengambil sesuatu tindakan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Tidak mudah tertipu / terpengaruh dengan anasir luar**
  - H1 – Memastikan politik negara stabil
  - H2 – Pentadbiran negara dapat berjalan lancar
  - H3 – Mewujudkan sebuah negara yang aman damai
  - C1 – Tiada peperangan / rusuhan kaum
- **Mengekalkan kedaulatan negara**
  - H1 – Tiada campur tangan kuasa asing
  - H2 – Bebas mentadbir mengikut acuan negara sendiri
  - H3 – Mengukuhkan ekonomi negara
  - C1 – Pelabur berminat untuk melabur
- **Menyemarakkan semangat patriotik**
- **Mengukuhkan lagi perpaduan kaum di negara**
- **Mana-mana yang sesuai**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.3 Era Peralihan British Di Negara Kita	K10.3.10 Menjelaskan kepentingan sikap berani menyuarakan pandangan dengan beretika

**Soalan 3**



**Akhbar Utusan Melayu**

Penentangan terhadap Malayan Union di Tanah Melayu tidak menggunakan kekerasan tetapi melalui akhbar, penubuhan persatuan serta demonstrasi secara aman.

Jelaskan kepentingan sikap berani menyuarakan pandangan dengan berhemah atau beretika.

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Proses rundingan berjalan lancar**
  - H1 – Dapat mengelakkan peperangan / pergaduhan
  - H2 - Mengekalkan hubungan antara satu sama lain
  - H3 – Mewujudkan negara yang aman damai
  - C1 – Rundingan kemerdekaan yang menggunakan diplomasi
- **Dapat mempertahankan hak individu / negara**
  - H1 – Mengelakkan hak kita / negara dirampas oleh kuasa asing
  - H2 - Menyuarakan bantahan / rasa tidak puas hati bagi mengembalikan hak
  - H3 – Menggunakan medium / saluran yang betul
  - C1 – Penubuhan UMNO bagi menentang Malayan Union
- **Menyemarakkan semangat patriotik**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.3 Era Peralihan British Di Negara Kita	K10.3.11 Menghuraikan kepentingan menghargai kepimpinan tokoh terdahulu dalam membina negara

**Soalan 4**



**Dato Onn Jaafar**

Gambar tersebut menunjukkan tokoh yang terlibat dalam menentang Malayan Union pada tahun 1946 dan menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa Malaysia.

Sebagai warganegara yang patriotik, mengapakah kita perlu menghargai kepimpinan tokoh-tokoh terdahulu.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Berjuang untuk kedaulatan negara**
  - H1 – Memastikan negara bebas dari penjajahan kuasa asing
  - H2 – menyatukan masyarakat dari pelbagai peringkat
  - H3 – Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
  - C1 – Penubuhan Parti Perikatan
- **Berani mempertahankan maruah bangsa**
  - H1 – Mengelakkan penindasan terhadap bangsa / rakyat
  - H2 – Memastikan rakyat mendapat hak mereka
  - H3 – Menjaga kepentingan bersama
  - C1 – Kerjasama antara pemerintah dan rakyat menentang Malayan Union
- **Menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat**
- **Memberi iktibar / pengajaran kepada masyarakat**
- **Mana-mana yang munasabah**

# HARTAL

## Kemunchak perjuangan Putera-AMCJA



Ipohkota Kuala Lumpur sekarang

**Bandar KL**  
**lengang seperti**  
**negeri yang**  
**di-alahkan oleh**  
**geruda tapi**  
**Inggeris maseh**  
**tidak peduli**

Oleh **Ahmad Boestaman**

**Terperanjat**  
 Juri tua PUTERA-AMCJA menyuarakan keberaguanannya untuk menandatangani perjanjian persekutuan tanah Melayu. Beliau berkata perjanjian itu bertentangan dengan prinsip-prinsip kemerdekaan yang dipegang oleh Melayu. Beliau juga mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Mengalau2**  
 Sebagai juri dalam jawatan persekutuan tanah Melayu, beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Penajah**  
 Beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Merdeka**  
 Beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Tujuan**  
 Beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Pendapat**  
 Beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.

**Berjaya**  
 Beliau mengkritik peranan pemimpin Melayu yang dianggapnya telah mengkhianati perjuangan kemerdekaan.



# 1948 : THIS IS PERSEKUTUAN TANAH MELAYU



# SEJARAH TINGKATAN 4

## BAB 5 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948



Pn. Rasyidah binti Abdul Wahab  
SMK Mambau, Seremban

### STANDARD KANDUNGAN

10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948

### STANDARD PEMBELAJARAN

- K10.4.5 Menerangkan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara
- K10.4.6 Menjelaskan kepentingan kesedaran negara kita tanggungjawab kita
- K10.4.7 Menghuraikan kepentingan bersemangat waja dalam perjuangan
- K10.4.8 Membahaskan implikasi tindakan masa kini terhadap masa depan

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948	K10.4.5 Menerangkan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara

**Soalan 1**

Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Jelaskan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

- **Menjamin kestabilan politik negara**
  - H1 – Pentadbiran negara dapat berjalan lancar
  - H2 – Tiada campur tangan kuasa asing
  - H3 – Keamanan negara dapat dikekalkan tanpa adanya pergaduhan
  - C1 - Peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang
- **Memajukan ekonomi negara**
  - H1 – Ramai pelabur berminat untuk melabur di negara kita
  - H2 – Meningkatkan pendapatan negara serta taraf hidup
  - H3 - Meluaskan peluang pekerjaan
  - C1 – Bidang perhotelan dan pengangkutan
- **Mengelakkan penjajahan alaf baru**
  - *Mana-mana yang munasabah*

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948	K10.4.6 Menjelaskan kepentingan kesedaran negara kita tanggungjawab kita

**Soalan 2**

**NEGARA KITA TANGGUNGJAWAB KITA**

Penyataan di atas merupakan tema Hari Kebangsaan pada tahun 1998. Sebagai rakyat, mengapakah kita perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab kepada negara.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Mengekalkan kedaulatan negara**
  - H1 – Tiada campur tangan kuasa asing
  - H2 – Bebas mentadbir mengikut acuan negara sendiri
  - H3 – Mengukuhkan perpaduan / kerjasama antara kaum
  - C1 – Penubuhan Sistem Ahli / PTM 1948
- **Menjamin kestabilan politik negara**
  - H1 – Pentadbiran negara dapat berjalan lancar
  - H2 – Keamanan negara dapat dikekalkan
  - H3 – Keselamatan rakyat terjamin kerana tida pergaduhan
  - C1 – Peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang
- **Memajukan ekonomi negara**
- **Menunjukkan rasa patriotik**
- ***Mana-mana yang munasabah***

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948	K10.4.7 Menghuraikan kepentingan bersemangat waja dalam perjuangan

**Soalan 3**

BANGI, 25 September 2016 – Cabaran arus perdana memerlukan generasi muda yang benar-benar berilmu, berbudaya cemerlang, bertanggungjawab, berwawasan, berdisiplin dan mempunyai daya ketahanan yang kental serta bersemangat waja dalam melaksanakan agenda negara.

Sumber : [https://www.ukm.my/news/Latest\\_News/negara-memerlukan-generasi-muda-berilmu-dan-bersemangat-waja](https://www.ukm.my/news/Latest_News/negara-memerlukan-generasi-muda-berilmu-dan-bersemangat-waja)

Berdasarkan petikan, ulaskan kepentingan bersemangat waja dalam perjuangan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Berani mempertahankan maruah bangsa**
  - H1 – Mengelakkan penindasan terhadap bangsa / rakyat
  - H2 – Memastikan rakyat mendapat hak mereka
  - H3 – Menjaga kepentingan bersama
  - C1 – Kerjasama antara pemerintah dan rakyat menentang Malayan Union
- **Mengekalkan kedaulatan negara**
  - H1 – Tiada campur tangan kuasa asing
  - H2 – Bebas mentadbir mengikut acuan negara sendiri
  - H3 – Mengukuhkan ekonomi negara
  - C1 – Pelabur berminat untuk melabur
- **Menyemarakkan semangat patriotik**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948	K10.4.8 Membahaskan implikasi tindakan masa kini terhadap masa depan

**Soalan 4**

Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/kolumnis/-pembentukan-persekutuan-hasil-muafakat-negeri>

Berdasarkan petikan menunjukkan tindakan masyarakat tempatan pada tahun 1948 berjaya membentuk Malaysia sebagai negara berdaulat hingga kini. Buktikan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Bebas dari penjajahan kuasa asing**
  - H1 – Mengekalkan kedaulatan negara
  - H2 - Berpeluang mentadbir negara mengikut acuan sendiri
  - H3 – Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
  - C1 – Penubuhan PTM 1948 / Persekutuan Malaysia 1963
- **Mengekalkan Raja sebagai pemerintah tertinggi**
  - H1 - Termaktub dalam perlembagaan negara
  - H2 - Lambang kedaulatan negara
  - H3 - Melahirkan perasaan sayang dan bangga terhadap negara
  - C1 -Tidak memburukkan nama baik negara
- **Menyemarakkan semangat patriotik**
- **Mana-mana yang munasabah**

# Zaman Komunis



## SEJARAH TINGKATAN 4

### BAB 6

Pn. Ruainun binti Yusof  
SMK Teriang Hilir, Jelebu



## ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT

### STANDARD KANDUNGAN

10.5 Ancaman Komunis dan Pengisytiharan Darurat 1948

### STANDARD PEMBELAJARAN

- K10.5.5 Menerangkan kepentingan sikap berhati-hati dalam menghadapi anasir yang menggugat kestabilan negara
- K10.5.6 Menjelaskan kepentingan mempunyai pemikiran yang strategik
- K10.5.7 Menghuraikan kepentingan menjamin keamanan negara
- K10.5.8 Membahaskan kepentingan sikap sedia berkorban untuk negara

<b>STANDARD KANDUNGAN (SK)</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN (SP)</b>
10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948	K10.5.5 Menerangkan kepentingan sikap berhati-hati dalam menghadapi anasir yang menggugat kestabilan negara

**Soalan 1**

Warga Malaysia perlu berhati-hati terhadap anasir luar yang menggugat kestabilan negara.

Sejauhmanakah tindakan tersebut penting terhadap negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S1**

▪ **Mengekalkan perpaduan kaum**

H1 – Mengelakkan perbalahan/salah faham  
H1 – negara akan porak peranda  
C1 – segelintir pihak mengeluarkan kenyataan yang memesong  
I1 – imej negara jatuh

▪ **Menjamin kedaulatan negara**

H1 – pencerobohan asing  
H2 – menggunakan kekerasan bersenjata  
C1 – peristiwa Lahad Datu Sabah mengorbankan anggota keselamatan  
I1 – keselamatan negara terancam


▪ **Mengekalkan keamanan negara**

▪ **Memelihara identiti dan warisan bangsa**

▪ *Mana-mana yang munasabah*

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948	K10.5.6 Menjelaskan kepentingan mempunyai pemikiran yang strategik

**Soalan 2**



**Gambar 1**

Berdasarkan gambar 1 di atas, bagaimanakah ancaman tersebut ditangani bagi menjamin keamanan negara.

---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S2**

- **Tindakan undang-undang**
- H1 – Hukuman yang berat
- H2 – tidak menyalahgunakan
- C1 – mendakwa para penggodam dan pengintip siber
- I1 – keadilan terhadap mangsa
- **Program kesedaran keselamatan siber**
- H1 – Meningkatkan kesedaran rakyat mengenai penggunaan peranti digital.
- H2 – berhemah dan beretika
- C1 – tidak menjalankan kegiatan pemalsuan data
- I1 – Masyarakat akan lebih berhati-hati
- **Menguukuhkan prasarana keselamatan siber**
- **Menambah ilmu pengetahuan tentang penggunaan peranti elektronik**
- **Meningkatkan kesedaran rakyat mengenai penggunaan peranti digital.**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948	K10.5.7 Menghuraikan kepentingan menjamin keamanan negara

**Soalan 3**

Pemeliharaan keamanan sesebuah negara dituntut dalam kehidupan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.  
 Mengapakah keamanan penting bagi sesebuah negara?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S3**

- **Menjamin kemajuan ekonomi negara**  
 H1 – Pelabur yakin untuk menanam modal  
 H2 – meningkatkan pendapatan negara  
 C1 – Membina kilang di Malaysia  
 I1 – kesejahteraan rakyat terpelihara
- **Perpaduan rakyat**  
 H1 – Hidup saling faham memahami  
 H2 – tanpa mengira fahaman politik dan agama  
 C1 – tidak terpengaruh dengan fitnah media sosial  
 I1 – mengekalkan keharmonian
- **Meningkatkan imej negara**
- **Kestabilan politik**
- **Mana-mana yang munasabah**

STANDARD KANDUNGAN (SK)	STANDARD PEMBELAJARAN (SP)
10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948	K10.5.8 Membahaskan kepentingan sikap sedia berkorban untuk negara

**Soalan 4**

Pasukan keselamatan memberikan sumbangan yang penting kepada negara dan pengorbanan mereka perlu dihargai oleh masyarakat Malaysia hari ini.  
 Bagaimanakah anda menghargai pengorbanan tersebut?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---


[8 markah]

**CADANGAN JAWAPAN S4**

- **Mempelajari semula sejarah negara**  
 H1 – Pengorbanan pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan.  
 H2 – berhadapan dengan ancaman pengganas  
 C1 – Pasukan Askar Melayu membanteras gerila komunis di dalam hutan
- **Tidak memperlekeh peranan anggota beruniform**  
 H1 – menghormati / tidak prejudis peranan mereka  
 H2 – sanggup menggadai nyawa  
 C1 – bekerja dalam keadaan yang sukar seperti di hutan  
 I1 – rakyat hidup aman dan damai
- **Menghayati Rukun Negara**
- **Mengamalkan perpaduan**
